

PERIBAHASA

PERIBAHASA (ITEM BERAYAT) Latihan 1

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Nek Timah sungguh tabah walaupun sudah lanjut umurnya sanggup tinggal bersendirian di pondok kecil itu.
 (1) panjang akal (2) perah otak
 (3) tahan hati (4) tajam ingatan ()

- 2 Saya melawat kawan saya di hospital dengan tiada membawa apa-apa kerana dia dalam keadaan koma di wad jagaan intensif.
 (1) makan suap (2) putih hati
 (3) tahan hati (4) tangan kosong ()

- 3 Ayah saya ditemani oleh seorang mekanik yang pakar untuk tahan uji kereta terpakai sebelum membelinya.
 (1) diuji untuk saiznya
 (2) diuji untuk bentuknya
 (3) diuji untuk kebaikannya
 (4) diuji untuk kelajuannya ()

- 4 Ibu bapa kami menyambut para tetamunya dengan tangan terbuka sepanjang hari pada minggu pertama Hari Raya Puasa itu.
 (1) menerima kedatangan seseorang dengan senyap
 (2) menerima kedatangan seseorang dengan tepukan
 (3) menerima kedatangan seseorang dengan gembira
 (4) menerima kedatangan seseorang dengan senyuman ()

- 5 Rosman yang tidak mengenang jasa ibunya yang telah membelanya sanggup menghalaunya keluar daripada rumah mereka itu.
- (1) seperti kacang lupakan kulit
(2) air dicencang tidak akan putus
(3) bagai menghitung bulu kambing
(4) seperti katak di bawah tempurung ()
- 6 Sultan yang bijaksana itu disayangi oleh rakyatnya kerana telah memerintah negerinya dengan adil dan saksama.
- (1) berani mati (2) diam-diam ubi
(3) perah otak (4) panjang akal ()
- 7 Wak Tambun sudah tua tetapi tajam ingatan dan suka menceritakan kisah-kisah kecilnya di Kampung Siglap tujuh puluh tahun dahulu.
- (1) pandai mencerita kisah-kisah lama
(2) asyik menimbulkan kisah-kisah lama
(3) sentiasa ingat apa yang berlaku di sekitarnya
(4) suka mengingatkan kembali kisah-kisah lama ()
- 8 Kami terpaksa perah otak untuk menjawab teka teki yang diberi oleh Cikgu Ali.
- (1) berbincang (2) berfikir
(3) berlumba (4) bersabar ()
- 9 Hamid yang bersikap seperti pahat dengan penukul tidak dapat selesaikan tugasnya dalam masa yang ditetapkan.
- (1) membuat kerja yang berat
(2) suka membuat kerja ringan sahaja
(3) tidak suka diperintah semasa bekerja
(4) bekerja hanya apabila diperintah sahaja ()
- 10 Cik Jah mencuci pakaian kotor itu seperti lipas kudung kerana sudah masanya untuk menjemput anaknya pulang dari sekolahnya.
- (1) melakukan sesuatu kerja dengan cuai
(2) melakukan sesuatu kerja dengan cepat
(3) melakukan sesuatu kerja dengan bersahaja
(4) melakukan sesuatu kerja dengan diam-diam ()